



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

DOKUMEN SEBUT HARGA UNTUK

**PEROLEHAN PENYELENGGARAAN MAKMAL
UJIAN ALAT PENGESANAN UTILITI BAWAH
TANAH, JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA (JUPEM)**

NO. SEBUT HARGA: 1/2026

14 MEI 2026

**DOKUMEN SEBUT HARGA UNTUK
PEROLEHAN PENYELENGGARAAN MAKMAL UJIAN ALAT PENGESANAN UTILITI
BAWAH TANAH, JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)
NO. SEBUT HARGA: 1/2026**

KANDUNGAN

1.	KENYATAAN SEBUT HARGA	3
2.	SYARAT-SYARAT AM/ SYARAT-SYARAT KHAS/ ARAHAN BERHUBUNG DENGAN SEBUT HARGA	4-31

1. KENYATAAN SEBUT HARGA

Semua penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak Lembaga Jurukur Tanah (LJT).

1.1 TUJUAN SEBUT HARGA

- (a) Pelawaan sebut harga ini adalah untuk mendapatkan penyelenggaraan makmal ujian alat pengesanan utiliti bawah tanah, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).
- (b) Tawaran sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan CIDB dan tempoh pendaftarannya masih berkuat kuasa di bawah kod bidang:

Gred CIDB	G2
Bidang Pengkhususan CIDB	CE21 Pembinaan Kejuruteraan Awam ATAU B04 Pembinaan Bangunan

- (c) Perolehan kerja ini dibuat secara Sebut Harga.

1.2 TEMPOH SEBUT HARGA

- (a) Tempoh sebut harga bagi kerja ini adalah bermula pada 14 Mei 2026 dan tarikh tutup sebut harga adalah pada 29 Mei 2026 pada jam 12.00 tengah hari.
- (b) Walau bagaimanapun, LJT berhak untuk membatalkan sebut harga ini pada bila-bila masa sekiranya perlu dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atau penjelasan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak penyebut harga kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab pihak penyebut harga dan LJT tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

2.1 Kontraktor hendaklah mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada LJT semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, LJT berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan LJT atau Wakilnya.

3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- (i) Suruhanjaya Tenaga
- (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhkan apa-apa faedah tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada LJT.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH LJT

- 6.1 LJT atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh LJT, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada LJT secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyediaan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden LJT tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum surat tawaran atau Borang Pesanan LJT dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum surat tawaran atau Borang Pesanan LJT dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada LJT untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

LJT berhak membatalkan Borang Pesanan LJT sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada LJT:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan LJT tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

LJT dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

- 11.1 LJT boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan- arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh LJT atau yang disahkan kemudian oleh LJT boleh membatalkan sebut harga ini.
- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh LJT akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh LJT dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja- kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh LJT dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Salinan Borang Pesanan LJT yang telah ditandatangani serta cap/meterai kontraktor, nota penghantaran dan invois kepada LJT.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

LJT hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

LJT hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK LJT UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

LJT adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

- i) Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-
 - a. Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga Kerja (**Borang I**),
 - b. Borang Ringkasan Sebut Harga (**Borang II**),
 - c. Harga dan tandatangan Kontraktor di Jadual Spesifikasi dan Kadar Kerja (**Borang III**),
 - d. Borang Soal Selidik Syarikat (**Borang IV**),
 - e. Surat Akuan Pembida dan tandatangan di (**Borang V**)
 - f. Borang Penyata Bulanan Akaun Bank (**Borang VI**)
 - g. Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit (**Borang VII**)
 - h. Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Maklumat Simpanan (**Borang VIII**)
 - i. Surat Akuan Sumpah Syarikat (**Borang IX**) (jika berkaitan)
 - j. Senarai semak dan tandatangan.
- ii) Dokumen Sebut Harga dikemukakan dalam **3 salinan**. Satu salinan hendaklah ditandakan "ASAL" dan dua salinan hendaklah ditandakan "SALINAN".
- iii) Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.
- iv) Kontraktor boleh merujuk kepada Senarai Semak (Kerja) untuk dokumen-dokumen lain yang perlu dihantar bersama borang-borang di atas.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan **Sebut Harga LJT No. 1/2026** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- (d) Semua dokumen yang diserahkan oleh penyebut harga termasuk manual teknikal hendaklah dalam Bahasa Malaysia. Pembetulan dan pindaan boleh dibuat ke atas cadangan tawaran dan dikemaskini sebelum tarikh dan masa tutup pelawaan. Penyebut harga hanya dibenarkan menghantar SATU (1) tawaran sahaja bagi cadangan yang ditawarkan. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.
- (e) Bagi tawaran yang memerlukan penghantaran sampel produk, penyebut harga hendaklah memastikan ianya dihantar sebelum tarikh tutup.
- (f) LJT akan membuat pemberitahuan kepada penyebut harga sekiranya terdapat apa-apa notis atau pindaan (addendum) berkaitan pelawaan ini melalui medium pengiklanan asal. Setiap notis atau pindaan (addendum) yang dilakukan akan diberi notis kepada penyebut harga dan menjadi sebahagian daripada dokumen tawaran.

3. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi 12 minggu.

4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

5. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

6. TAWARAN PILIHAN

Setiap penyebut harga tidak dibenarkan membuat tawaran pilihan (*alternative offer*) bagi mana-mana butiran yang telah dihantar. Jika terdapat tawaran pilihan, LJT berhak menolak kesemua tawaran yang dikemukakan.

7. PEMBATALAN PELAWAAN

LJT berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak penyebut harga kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pihak penyebut harga.

8. PEMBERITAHUAN PENERIMAAN

- (a) Pemberitahuan kepada penyebut harga yang berjaya mendapat tawaran LJT akan dibuat melalui pengeluaran Surat Setuju Terima (SST).
- (b) Surat berkenaan mungkin mengandungi apa-apa syarat atau pindaan tambahan kepada syarat yang disertakan pada dokumen ini dan jika demikian, tawaran ini tidak boleh dianggap sebagai telah dipersetujui melainkan pengesahan bertulis daripada penyebut harga tentang persetujuannya terhadap syarat/pindaan tambahan itu diterima.
- (c) Apabila dipersetujui, kontrak dianggap sebagai telah dibuat antara LJT dengan penyebut harga itu menurut syarat yang disertakan (termasuk syarat tambahan dan pindaan) dan tiada perjanjian atau syarat lain dianggap sebagai telah dimasukkan ke dalam kontrak ini.

9. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- (a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.
- (b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.
- (c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan penyebut harga atau penyebut harga boleh diambil tindakan sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta SPRM 2009.
- (d) Mana-mana penyebut harga atau penyebut harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

10. INTEGRITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- (a) Perkara ini adalah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan melalui PP/PK 1.6: Integriti Dalam Perolehan Kerajaan.
- (b) Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida (nama penandatanganan akuan hendaklah seperti mana yang disenaraikan dalam Modul Pendaftaran Pembida Kementerian Kewangan) yang mengandungi pengakuan bahawa:
 - (1) Penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
 - (2) Kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan adalah benar dan tepat.
- (c) Sekiranya penyebut harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (*withhold*) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tawarannya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.
- (d) Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak LJT juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak.

11. PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA

Sekiranya didapati penyebut harga terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

12. PERTANYAAN

Pertanyaan Mengenai Pelawaan Sebut Harga

Semua pertanyaan mengenai pelawaan hendaklah disalurkan kepada Urus Setia Sebut Harga seperti berikut:

Nama Pegawai : Puan Norzailinda Binti Zainal Abidin
No. Tel. : 03-41085191
No. Faks : 03-41085178
E-mel : linda.za@ljt.org.my

Sebarang pertanyaan selepas tarikh tutup sebut harga tidak akan dilayan.

BORANG I- BORANG SEBUT HARGA KERJA

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga LJT No. 1/2026

.....
.....
.....

Tuan,

Sebut harga untuk **Perolehan Penyelenggaraan Makmal Ujian Alat Pengesanan Utiliti Bawah Tanah, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:

.....
(RM).....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa minggu / bulan dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Lembaga Jurukur Tanah.

Bertarikh pada haribulan..... 20....

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Saksi

Nama:

Nama:

No. K/P:

No. K/P:

Alamat:

Alamat:

.....
Meterai atau Cap Kontraktor

BORANG II- RINGKASAN SEBUT HARGA**RINGKASAN SEBUT HARGA****KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN MAKMAL UJIAN ALAT PENGESANAN UTILITI
BAWAH TANAH, JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)**

BIL.	KERJA	TEMPOH PELAKSANAAN	TAWARAN HARGA (RM)
1	Kerja-Kerja Awalan		
2	Kerja-Kerja Awam		
3	Kerja-Kerja Elektrikal dan Mekanikal		
4	Kerja-Kerja Akhir		
JUMLAH KESELURUHAN			

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
Tandatangan Kontraktor

Tarikh:

BORANG III- SPESIFIKASI DAN JADUAL KADAR KERJA

SPESIFIKASI DAN JADUAL KADAR KERJA

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN MAKMAL UJIAN ALAT PENGESANAN UTILITI BAWAH TANAH, JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)

BIL.	SPESIFIKASI WAJIB	UNIT	KUANTITI	KADAR/HARGA (RM)	SST (RM)	JUMLAH HARGA TAWARAN TERMASUK SST (RM)
A	KERJA KERJA AWALAN					
1.0	POLISI INSURANS :					
	1.1 Insurans Kerja, Insurans Liabiliti Tanggungan Awam (iaitu Insurans bencana terhadap bencana kepada orang awam dan kerosakan kepada harta benda) dan No. Pendaftaran dengan PERKESO bagi kesemua pekerja.	pukal				
2.0	Gambar kemajuan kerja SEBELUM, SEMASA DAN SIAP kerja	set	2			
JUMLAH KESELURUHAN BAHAGIAN A (RM)						
B	KERJA KERJA AWAM					
1.0	STRUKTUR SIMPANAN PASIR					
	1.1 Kerja Kerja membina platform sementara untuk mengalihkan pasir serta menambah rangka kekuda bongkah pasir agar kuat dan boleh menampung lebih muatan	pukal				
	1.2 Kerja Kerja membina dan merekabentuk bahagian kekuda besi untuk dibuat tapak plat sementara untuk mengeluarkan pasir yang lebih dalam bongkah pasir yang hampir pecah	pukal				
	1.3 Kerja kerja membina tapak platform dengan menggunakan papan plywood dan juga kanvas sebagai alas	pukal				
	1.4 Kerja kerja memasukkan pasir yang baharu dengan menggunakan crane dan membuka bumbung atap sedia ada untuk memberi laluan kerja kerja pemunggaan dan pengisian pasir yang baharu	pukal				

BORANG III- SPESIFIKASI DAN JADUAL KADAR KERJA

BIL.	SPESIFIKASI WAJIB	UNIT	KUANTITI	KADAR/HARGA (RM)	SST (RM)	JUMLAH HARGA TAWARAN TERMASUK SST (RM)
2.0	KERJA KERJA PASIR SILIKA					
2.1	Membekal pasir silika LEIGHTON BUZZARD SAND jenis Uniform Coarse Grained Sand with particle sizes from 0.6mm to 2.0mm untuk tujuan TAPAK KALIBRASI	m3	355			
3.0	KERJA KERJA PALANG BESI					
3.1	Kerja kerja membuat rangka kekuda di bahagian struktur simpanan pasir dari jenis besi yang bersaiz 2" x 4" berketebalan 3mm dan membina rangka kekuda yang baru	kaki	96			
3.2	Kerja kerja membina, membuat dan menambah kerja kerja rangka rangka besi keseluruhan bongkah pasir yang sedia ada	pukal				
3.3	Kerja-kerja mengecat keseluruhan rangka kekuda	pukal				
4.0	KERJA KERJA BUMBUNG					
4.1	Kerja kerja membaiki retakan di permukaan bumbung serta membersihkan permukaan bumbung	pukal				
4.2	Kerja kerja membuka, mengganti dan memasang skru bush dan gam silikon anti bocor di lubang skru bumbung yang rosak	pukal				
4.3	Membersihkan saluran air hujan (gutter) serta mengecat dengan epoxy water prrof sepanjang saluran air dan mengganti saluran yang pecah	pukal				
5.0	KERJA KERJA DINDING (STOR)					
5.1	Membekal bahan dan memasang bagi kerja kerja sekatan kepingan gypsum board berkerangka/berbingkai aluminium yang terdiri bahagian atas, bawah, stiles dan belebas dari keluli tertekan tergalvani, dibalut kedua belah dengan 12mm kepingan gypsum board termasuk penutup yang diperlukan lengkap dengan mengecat dua lapis cat asas	sqft	180			

BORANG III- SPESIFIKASI DAN JADUAL KADAR KERJA

BIL.	SPESIFIKASI WAJIB	UNIT	KUANTITI	KADAR/HARGA (RM)	SST (RM)	JUMLAH HARGA TAWARAN TERMASUK SST (RM)
5.2	Membekal bahan dan memasang bagi kerja kerja memasang HDF Boltless Racks bersaiz : 4' 0" (L) x 6' 0" (D) x 1' 6" (H) - 5tier - Loading Weight Capacity : 300kg per UDL - Material Decking : HDF Board (6-8mm High Density Board)	unit	4			
5.3	Membekal bahan dan memasang bagi kerja kerja memasang Polycarbonate Roofing berketebalan 4mm	sqft	180			
6.0	KERJA KERJA PINTU					
6.1	Membekal bahan dan memasang pintu satu daun setengah berukuran 1500mm x 2100mm pintu panel plywood siap pemasangan rangka aluminium, engsel dan skru termasuk mengecat dua lapis cat asas logam dan kayu serta kerja kerja berkaitan mengikut penentuan kerja dan arahan Pegawai Inden.	unit	1			
7.0	TANDAS					
7.1	Membekal bahan, kerja kerja demolish dan kerja kerja ubahsuai tandas kakitangan serta kerja kerja berkaitan mengikut penentuan kerja dan arahan Pegawai Inden	pukal				
7.2	Membekal bahan dan memasang pintu PVC lengkap dengan kelengkapan pemasangan yang berkaitan mengikut penentuan kerja dan arahan Pegawai Inden	unit	2			
7.3	Membekal bahan dan memasang mangkuk tandas duduk dengan kelengkapan pemasangan yang berkaitan mengikut penentuan kerja dan arahan Pegawai Inden	unit	2			
7.4	Membekal bahan dan memasang sinki dengan kelengkapan pemasangan yang berkaitan mengikut penentuan kerja dan arahan Pegawai Inden	unit	2			
JUMLAH KESELURUHAN BAHAGIAN B (RM)						

BORANG III- SPESIFIKASI DAN JADUAL KADAR KERJA

BIL.	SPESIFIKASI WAJIB	UNIT	KUANTITI	KADAR/HARGA (RM)	SST (RM)	JUMLAH HARGA TAWARAN TERMASUK SST (RM)
C	KERJA KERJA ELEKTRIK DAN MEKANIKAL					
1.0	PENDAWAIAN					
1.1	Peti Agihan Sediada (Lampu):					
	a) Pemutus litar kecil kutub tunggal berkadaran sehingga 10A, dengan beban pemutus 6Ka.	unit	1			
	b) Pemutus litar kecil kutub tunggal berkadaran sehingga 32A, dengan beban pemutus 6Ka.	unit	1			
	c) Membekal dan memasang lampu sportlight 400W lengkap dengan aksesori berkaitan sehingga berfungsi dengan sempurna dan selamat.	unit	3			
	d) Membekal dan memasang lampu jenis Downlight LED 6 inch 18W sehingga berfungsi dengan sempurna dan selamat.	unit	2			
1.2	Peti Agihan Sediada (Soket) Pemutus litar kecil kutub tunggal berkadaran sehingga 20A, dengan beban pemutus 6Ka.					
1.3	Pendawaian Mata Kuasa berserta soket alur keluar 13A (yang bersesuaian di tapak) menggunakan kabel PVC bersaiz x 2.5mm i/d kabel perlindungan mengikut spesifikasi JKR – LS1 secara pendawaian permukaan atau terbenam di dalam konduit/trunking keluli bergalvani (GI) sehingga berfungsi dengan selamat					
1.4	Pendawaian Mata Lampu menggunakan kabel PVC bersaiz 2 x 1.5mm i/d kabel perlindungan mengikut spesifikasi JKR – LS1 secara pendawaian permukaan atau terbenam di dalam konduit/trunking keluli bergalvani sehingga berfungsi dengan selamat.					

BORANG III- SPESIFIKASI DAN JADUAL KADAR KERJA

BIL.	SPESIFIKASI WAJIB	UNIT	KUANTITI	KADAR/HARGA (RM)	SST (RM)	JUMLAH HARGA TAWARAN TERMASUK SST (RM)
2.0	PENYAMAN UDARA					
	Pendawaian Mata Penyaman Udara					
2.1	Pendawaian mata penyaman udara menggunakan kabel PVC 2 x 4.0mm l/d kabel perlindungan, soket alur keluar 15A terlutup logam, suis 2 kutub 30A terlutup logam dengan lampu penunjuk mengikut spesifikasi standard JKR LS-1 secara pendawaian konduit permukaan atau terbenam di dalam konduit/trunking keluli bergalvani sehingga berfungsi dengan selamat.	unit	1			
2.2	Membekal dan pemasangan Penyaman Udara berkuasa 1.5HP pada dinding bersama unit indoor dan outdoor, sehingga berfungsi dengan sempurna dan selamat. Saluran air keluar (drain) hendaklah dipasang ke luar bangunan.	unit	1			
JUMLAH KESELURUHAN BAHAGIAN C (RM)						
D	KERJA KERJA AKHIR					
1.0	Membersih kawasan kerja dan membawa segala sisa buangan keluar dari Kompleks JUPEM ke tapak pelupusan yang diiktiraf oleh Pihak Berkuasa Tempatan.	pukal				
JUMLAH KESELURUHAN BAHAGIAN D (RM)						
JUMLAH KESELURUHAN TAWARAN HARGA (RM)						

Catatan:
 Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Jadual Kadar Kerja ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Jadual Kadar Kerja.

.....
 Tandatangan Kontraktor

Tarikh:

BORANG IV- BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT

BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT

A. PROFIL SYARIKAT

Arahan: Semua butir-butir di dalam ruangan yang dinyatakan di bawah ini hendaklah dilengkapkan oleh penyebut harga dengan betul dan tepat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran sebut harga ditolak dan tidak dipertimbangkan. Gunakan lampiran lain jika perlu.

Butir-butir Syarikat

1. Nama Syarikat:.....
2. No. Pendaftaran Syarikat: Tarikh Tamat:
3. No. Pendaftaran Kem. Kewangan: Tarikh Tamat:
4. Alamat Pendaftaran Syarikat:
5. Alamat Surat Menyurat:
6. No Telefon: No Faks:.....
7. Taraf Syarikat*: Bumiputera/ Bukan Bumiputera
8. Peratus Modal:.....% Bumiputera /% Bukan Bumiputera /% Lain-lain
9. Tempoh Sah Pengiktirafan Syarikat bumiputera:hingga
10. Jenis Syarikat*: Perseorangan: Perseorangan/ Perkongsian/ Sdn. Bhd./ Lain-lain(Nyatakan)
11. Tempoh Sah laku tawaran sebut harga :
12. Tempoh Siap Kerja :

Butir-butir Modal

1. Modal Dibenarkan : RM.....
2. Modal Dibayar : RM.....

Pemegang Saham

Senarai Pemegang-pemegang Saham / Lembaga Pengarah / Pengurusan Syarikat

Bil.	Nama/Jawatan	No. K/P	% Pegangan Warganegara
1.
2.
3.

- Sila potong yang tidak berkenaan

BORANG IV- BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT

Struktur Pengurusan Syarikat

Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera
2.	Bukan Bumiputera
3.	Bukan Warganegara

Bukan Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera
2.	Bukan Bumiputera
3.	Bukan Warganegara

BORANG IV- BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT**B. REKOD PENGALAMAN**

Pengalaman dalam melaksanakan projek seumpamanya yang berkaitan dalam 5 tahun yang lepas (sila buat ringkasan mengenai projek termasuk nilai, pelanggan untuk dihubungi dan alamat/ telefon serta jangkamasa/ tahun projek seperti di bawah):-

Bil.	Nama syarikat serta lokasi	Tajuk Kontrak	Nilai Kontrak	Tempoh Kontrak *	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Siap		Catatan
						Kontrak	Sebenar	

Nota:
Salinan Surat Setuju Terima dan Salinan Perakuan Siap Kerja /Perakuan Muktamad bagi setiap kerja yang disenaraikan hendaklah disertakan.
*Tempoh kontrak hendaklah termasuk lanjutan masa yang diluluskan.

BORANG IV- BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT**C. SENARAI KERJA/KONTRAK SEMASA**

Kerja dalam tangan atau projek yang masih dikendalikan yang melibatkan syarikat, jenis kerja, lokasi dan tarikh projek tersebut dijadualkan tamat. Ringkasan adalah seperti jadual di bawah:

Bil.	Nama syarikat serta lokasi	Tajuk Kontrak	Nilai Kontrak	Tempoh Kontrak *	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Siap Kontrak	Kemajuan Kerja		Catatan
							Ikut Jadual (%)	Sebenar dicapai (%)	

Nota:
Salinan Surat Setuju Terima dan Perakuan Bayaran Interim terkini bagi setiap bagi setiap kerja yang disenaraikan hendaklah disertakan.
*Tempoh kontrak hendaklah termasuk lanjutan masa yang diluluskan.

BORANG IV- BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT

Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah benar.

.....
(Tandatangan)

Nama :
Cop rasmi syarikat :

Tarikh :

BORANG V- SURAT AKUAN PEMBIDA

SURAT AKUAN PEMBIDA

**PEROLEHAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN MAKMAL UJIAN ALAT
PENGESANAN UTILITI BAWAH TANAH, JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
(JUPEM)**

(SEBUT HARGA LJT NO. 1/2026)

(Perlu diisi dan ditandatangani oleh penyebut harga)

Saya No. Kad Pengenalan
..... yang mewakili

Nombor Pendaftaran Syarikat dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam LJT atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pewakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga Jurukur Tanah Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sokongan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. KP:

BORANG VI - BORANG PENYATA BULANAN AKAUN BANK

Sebut Harga LJT No. 1/2026

SULIT
BORANG PENYATA BULANAN AKAUN BANK
(Disahkan oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Maklumat di borang ini hendaklah disahkan oleh pihak Bank/Institusi Kewangan dan dilampirkan bersama-sama salinan penyata akaun bank.

Kepada : **Lembaga Jurukur Tanah**

Nama Syarikat:
<<Diisi oleh syarikat>>

Nama Bank :
<<Diisi oleh syarikat>>

Nombor Akaun:.....
<<Diisi oleh syarikat>>

Alamat Bank (Di mana akaun dibuka):.....
<<Diisi oleh syarikat>>
.....
.....

Tarikh Penyata	Baki Akhir Bulanan (seperti dalam penyata) RM

Disahkan oleh:

.....
Tandatangan Pembekal

.....
Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak
Bank/Institusi Kewangan

Nama Pegawai:.....
.....

Nama Pegawai:.....
.....

Jawatan:

Jawatan:

No. Telefon:

No. Telefon:

Tarikh:

Tarikh:

Cop Pembekal:

Cop Bank/ Institusi
Kewangan:

Nota:

1. Borang boleh disalinkan untuk pengesahan bank/institusi kewangan berbeza.
2. Bagi pembekal yang tidak mempunyai Kemudahan Kredit, sila nyatakan TIADA pada borang ini dan masih perlu dikemukakan kepada bersama-sama sebut harga / tender.
3. Penyebut harga/Agensi boleh mengunapakai/menerima format borang sedia ada oleh bank, tertakluk mempunyai maklumat lengkap sebagaimana yang dimohon dalam borang ini.

BORANG VII – LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT

Sebut Harga LJT No. 1/2026

SULIT**LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT**

(Disahkan oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Maklumat di borang ini hendaklah disahkan oleh pihak Bank/Institusi Kewangan dan dilampirkan bersama-sama sebut harga.

Kepada : LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

Nama Syarikat :
<<Diisi oleh syarikat>>

Nama Bank :
<<Diisi oleh syarikat>>

Nombor Akaun :
<< Diisi oleh syarikat >>

**Alamat Bank
(Di mana akaun dibuka)** :
.....
<< Diisi oleh syarikat >>

Kemudahan Kredit yang boleh digunakan untuk pelaksanaan bekalan/perkhidmatan (sekiranya penyebut harga mempunyai Kemudahan Kredit dengan Bank/Institusi Kewangan)

Bentuk Kemudahan Kredit	Baki Kemudahan Kredit Yang Boleh Digunakan
Overdraf	RM
Overdraf Bercagar	RM
Talian Kredit (<i>Business Line Credit</i>) (Talian Kredit Yang Tidak Terikat Dengan Mana-Mana Projek)	RM
Kad Kredit (Untuk ROB Perseorangan Sahaja)	RM
Jumlah	RM

Disahkan oleh:

.....
Tandatangan Pembekal.....
Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak
Bank/Institusi Kewangan

Nama Pegawai:.....

Nama Pegawai:.....

Jawatan:

Jawatan:

No. Telefon:

No. Telefon:

Tarikh:

Tarikh:

Cop Pembekal:

Cop Bank/ Institusi Kewangan:

Nota:

- Borang boleh disalinkan untuk pengesahan bank/institusi kewangan berbeza
- Bagi pembekal yang tidak mempunyai Kemudahan Kredit, sila nyatakan TIADA pada borang ini dan masih perlu dikemukakan kepada bersama-sama sebut harga / tender.
- Penyebut harga/Agensi boleh menguna pakai/menerima format borang sedia ada oleh bank, tertakluk mempunyai maklumat lengkap sebagaimana yang dimohon dalam borang ini.

BORANG VIII – LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI MAKLUMAT SIMPANAN

Sebut Harga LJT No. 1/2026

SULIT
LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI MAKLUMAT SIMPANAN
 (Disahkan oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Maklumat di borang ini hendaklah disahkan oleh pihak Bank/Institusi Kewangan dan dilampirkan bersama-sama sebut harga.

Kepada : LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

Nama Syarikat :
 <<Diisi oleh syarikat>>

Nama Bank :
 <<Diisi oleh syarikat>>

Nombor Akaun :
 << Diisi oleh syarikat >>

**Alamat Bank
 (Di mana akaun dibuka)** :

 << Diisi oleh syarikat >>

Maklumat Simpanan sedia ada yang boleh digunakan untuk pelaksanaan bekalan/perkhidmatan. (sekiranya peyebut harga mempunyai Simpanan dengan Bank/Institusi Kewangan).

Bentuk Simpanan	Jumlah Simpanan	Penama
Deposit Tetap	RM	
Amanah Saham	RM	
Tabung Haji	RM	
Jumlah	RM	

Disahkan oleh:

.....
 Tandatangan Pembekal

.....
 Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak
 Bank/Institusi Kewangan

Nama Pegawai:.....

Nama Pegawai:.....

Jawatan:

Jawatan:

No. Telefon:

No. Telefon:

Tarikh:

Tarikh:

Cop Pembekal:

Cop Bank/ Institusi Kewangan:

BORANG VII – LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT

SULIT
LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI MAKLUMAT SIMPANAN
(Disahkan oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Perhatian:

- i. **Simpanan:** Tidak termasuk amaun yang dinyatakan dalam Penyata Bank 3 Bulan terkini bagi 3 bulan terakhir sebelum bulan tutup sebut harga.
- ii. **Deposit Tetap** boleh diisytiharkan atas nama syarikat atau nama pemilik syarikat bagi jenis syarikat ROB (Perseorangan). Selain daripada jenis syarikat ROB (Perseorangan), **Deposit Tetap** perlu diisytiharkan atas nama syarikat.
- iii. **Amanah Saham** dan **Tabung Haji** hanya boleh diisytiharkan oleh syarikat ROB (Perseorangan) sahaja atas nama individu.
- iv. Borang boleh disalinkan untuk pengesahan bank/institusi kewangan yang berbeza.

Bagi pembekal yang tidak mempunyai maklumat Simpanan, sila nyatakan “TIADA” pada borang ini dan masih perlu dikemukakan bersama-sama sebut harga.

BORANG IX- SURAT AKUAN SUMPAAH SYARIKAT

Sebut Harga LJT No. 1/2026

SULIT
SURAT AKUAN SUMPAAH SYARIKAT

(untuk tujuan penyerahan penyata kewangan tidak beraudit bagi syarikat berstatus *Registration of Business (ROB)* dan mana-mana syarikat yang diberi pengecualian di bawah Akta Syarikat 2016)

Saya..... nombor kad pengenalan
..... yang mewakili syarikat.....
..... nombor pendaftaran..... (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

Penyata Kewangan Syarikat bagi tahun iaitu yang dikemukakan kepada Lembaga Jurukur Tanah Malaysia adalah sesungguhnya benar; dan

Syarikat TIDAK membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Penyata Kewangan Syarikat.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan)
sebenar-benarnya diakui oleh)
.....)
.....) Tandatangan.....
di.....)
.....)
pada.....)

Di hadapan saya

.....
(Pesuruhjaya Sumpah)

Catatan:

- ii- *Potong mana yang tidak berkenaan.
- iii- Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

SENARAI SEMAK

PEROLEHAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN MAKMAL UJIAN ALAT PENGESANAN UTILITI BAWAH TANAH, JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM) (SEBUT HARGA LJT NO. 1/2026)

BIL.	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH KONTRAKTOR	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Dokumen Sebut Harga dikemukakan dalam 3 salinan. Satu salinan hendaklah ditandakan "ASAL" dan dua salinan hendaklah ditandakan "SALINAN"		
2.	Surat Rasmi Kontraktor dengan keterangan nama, alamat, emel, nombor telefon dan nombor faksimili.		
3.	Salinan sijil pendaftaran daripada Pusat Khidmat Kontraktor (SPKK)		
4.	Salinan sijil taraf bumiputera daripada Pusat Khidmat Kontraktor (jika berkaitan)		
5.	Salinan sijil pendaftaran CIDB		
6.	Borang Sebut Harga Kerja telah diisi dengan lengkap (termasuk harga tawaran dan tempoh pelaksanaan) dan ditandatangani (BORANG I)		
7.	Ringkasan Sebut Harga (BORANG II)		
8.	Spesifikasi dan Jadual Kadar Kerja (BORANG III)		
9.	Borang Soal Selidik Syarikat (BORANG IV)		
10.	Surat Akuan Pembida (BORANG V)		
11.	Borang Penyata Bulanan Akaun Bank (BORANG VI)		
12.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi 3 bulan sebelum tarikh tutup sebut harga dan yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan		
13.	Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit (BORANG VII)		
14.	Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Maklumat Simpanan (BORANG VIII)		

15.	<p>Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah oleh juruaudit bertauliah bagi kewangan terakhir (sekurang-kurangnya 3 tahun sebelum tarikh tutup sebut harga)</p> <p>ATAU</p> <p>Salinan Penyata Kewangan Syarikat yang tidak diaudit beserta borang SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT untuk tujuan penyerahan penyata kewangan tidak beraudit bagi syarikat berstatus Registration of Business (ROB) dan mana-mana syarikat yang diberi pengecualian di bawah Akta Syarikat 2016 seperti dalam BORANG IX.</p>		
16.	Sijil Pematuhan Cukai (TCC)		
17.	Lain-lain dokumen yang lain berkaitan sekiranya ada		

Sila tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK KEGUNAAN LJT
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil (jika ada)</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>